

11 JUL 1998

Laporan Khas-Bukit Jalil

BUKIT JALIL BUKA ERA BARU KECEMERLANGAN SUKAN NEGARA

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR; Perasmian Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil dan penamaan serentak lima komponen utama yang terdapat di dalamnya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menandakan satu lagi pencapaian besar negara dalam usaha memupuk kecemerlangan dan meningkatkan mutu sukan tanah air.

Komponen-komponen yang terletak hampir sebelah menyebelah di kawasan seluas kira-kira 300 ekar itu ialah Stadium Utama, Stadium Tertutup, Kompleks Renang, Stadium Skuasy dan Stadium Hoki.

Komponen-komponen berkenaan merupakan sebahagian daripada venue kepada 15 acara Sukan Komanwel ke-16 (Kuala Lumpur '98) yang berlangsung daripada 11 hingga 21 September depan.

Sempena perasmian itu, Dr Mahathir juga dijangka menamakan dua venue sukan yang turut digunakan pada Kuala Lumpur '98 iaitu Stadium Tertutup Bola Jaring dan Kompleks Boling Padang, kedua-duanya terletak di Kompleks Sukan Bukit Kiara.

Sebelum itu, Dr Mahathir juga merasmikan perkhidmatan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Sistem 1, bertempat di stesennya di Bukit Jalil. Stesen berharga RM23 juta itu menghubungkan Bukit Jalil dengan stesen LRT di Jalan Sultan Ismail, meliputi jarak kira-kira 12 km.

Sempena upacara itu, Dr Mahathir telah menaiki LRT di Stesen Jalan Sultan Ismail untuk perjalanan selama kira-kira 24 minit menuju ke Bukit Jalil.

Selain untuk kepentingan pengangkutan awam di bandaraya ini, perkhidmatan itu merupakan sebahagian kemudahan sokongan bagi membawa penumpang dari stesen berkenaan ke Bukit Jalil, terutama sepanjang berlangsungnya Kuala Lumpur '98.

Acara perasmian Kompleks Sukan Negara penuh warna-warni itu berlangsung di Stadium Utama, sebuah stadium olahraga dan bolasepak yang dianggap ultra-modern dengan keupayaan menampung 100,000 penonton, berbumbung bulat berbentuk cincin dan dilengkapi kerusi berwarna-warni yang melambangkan warna bendera negara "Jalur Gemilang".

Berdasarkan butiran terbaru Kementerian Belia dan Sukan, kos yang disemak semula bagi pembinaan Stadium Utama, Stadium Tertutup dan Kompleks Renang ialah RM800 juta.

Stadium Tertutup pula memuatkan 16,000 kerusi. Ia boleh menampung lebih ramai penonton daripada jumlah kerusi itu kerana 3,000 buah daripadanya boleh ditanggalkan.

Selain menjadi venue kepada beberapa acara sukan, termasuk acara gimnastik pada Kuala Lumpur '98, stadium yang dilengkapi dengan papan markah empat muka itu juga boleh digunakan untuk pameran atau pertunjukan pentas.

Kompleks Renang yang berbumbung sepenuhnya pula memuatkan 4,000 tempat duduk, mempunyai kolam renang 10 lorong bertaraf Olimpik, sebuah kolam terjun dan sebuah kolam renang lapan lorong untuk latihan.

Stadium Skuasy yang dibina menggunakan teknologi Jerman mempunyai 10 gelanggang perseorangan yang boleh diubahsuai menjadi lapan gelanggang beregu dan sebuah gelanggang utama. Kos pembinaannya ialah kira-kira RM25 juta.

Bagi Stadium Hoki berharga RM74 juta yang siap dinaikkan taraf Mei lepas, ia berupaya menampung 12,000 penonton. Stadium itu pernah diuji guna pada perlawanan pusingan kelayakan Hoki Piala Dunia pada bulan Mac.

Sementara itu, Kompleks Boling Padang yang mempunyai lima padang rumput asli di Kompleks Sukan Bukit Kiara pula menyediakan 1,500 tempat duduk, manakala Stadium Tertutup Bola Jaring menyediakan 1,000 tempat duduk. Kos pembinaan Kompleks Sukan Bukit Kiara ialah RM24 juta.

Banyak pengunjung luar yang bertandang ke Bukit Jalil sebelum ini bagi menyaksikan kemajuan persiapan negara menjelang Kuala Lumpur 98 takjub dengan keindahan dan kesempurnaan komponen-komponen Kompleks Sukan Negara itu.

Mereka menganggap Malaysia telah berjaya mewujudkan infrastruktur kesukanan yang serba lengkap yang memungkinkannya menjadi sebuah negara yang disegani dalam bidang sukan pada suatu hari kelak.

Seorang wartawan Australia yang berkunjung ke Bukit Jalil baru-baru ini yakin dengan adanya prasarana sukan yang begitu baik, Malaysia bukan sahaja akan menjadi tuan rumah Sukan Komanwel ke-16 yang paling berjaya, tetapi juga berupaya menjana ramai ahli sukan bertaraf antarabangsa dalam jangka masa yang terdekat.

Sebanyak 100,000 tiket percuma telah diedarkan ke seluruh negara bagi membolehkan seramai mungkin rakyat Malaysia turut sama memeriahkan upacara perasmian kompleks sukan itu. -- Bernama

AM